

**KONSEP DAN APLIKASI FIQH DARURAT DALAM MENYELESAIKAN ISU-ISU FIQH SEMASA MENGHADAPI PENULARAN PANDEMIK COVID-19****THE CONCEPT AND APPLICATION OF FIQH OF DARURAT IN SOLVING FIQH ISSUES IN TIME OF COVID-19 PANDEMIC**

\*<sup>i</sup>Setiyawan Gunardi, <sup>i</sup>Lukman Abdul Mutualib, <sup>i</sup>Mohd Soberi Awang, <sup>i</sup>Wan Abdul Fattah Wan Ismail, <sup>i,ii</sup>Ahmad Syukran Baharuddin, <sup>i</sup>Abdul Manan Ismail, <sup>iii</sup>Siti Fatimah Salleh, <sup>i</sup>Muhammad Hazim Ahmad

<sup>i</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai

<sup>ii</sup>Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai

<sup>iii</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

(Corresponding author) email: [setiyawan@usim.edu.my](mailto:setiyawan@usim.edu.my)

**ABSTRAK**

Fiqh Darurat secara konsep mempunyai peranan yang dinamik dalam menyelesaikan isu-isu terkini. Hal ini, dapat dilihat melalui pengaplikasian ke atas sesuatu perkara yang memerlukan Fiqh Darurat. Isu-isu terkini yang berkaitan dengan penularan Pandemik COVID-19 telahpun membawa kepada ijтиhad fiqh. Selain itu, pada masa yang sama Pandemik ini adalah penyakit yang mudah menular antara satu sama lain. Oleh itu, perlu merujuk kepada Fiqh Darurat dan meneliti sejauhmanakah peranannya tersebut. Juga menjelaskan sistem penularan Pandemik COVID-19 pada zaman dahulu. Kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan konsep Darurat dan aplikasinya terhadap permasalahan fiqh yang timbul ketika berlakunya penularan Pandemik COVID-19. Juga meneliti penyakit menular ini dari aspek sejarah. Kaedah yang digunakan adalah qualitatif deskriptif melalui kajian kepustakaan daripada sumber primer dan sekunder. Selanjutnya, data yang terkumpul akan dianalisis untuk mendapat jalan penyelesaian. Hasil kajian mendapati bahawa Fiqh Darurat secara konsep merupakan panduan dalam menyelesaikan isu-isu fiqh ketika penularan Pandemik COVID-19 berlaku. Implikasi kajian secara aplikasi membuktikan bahawa isu-isu fiqh dapat ditangani dengan baik melalui Fiqh Darurat.

**Kata kunci:** *Fiqh Darurat, konsep, aplikasi, ijтиhad fiqh, Pandemik COVID-19*

**ABSTRACT**

Fiqh of Darurat has a dynamic role in resolving contemporary issues. This matter can be seen through the application of something that requires the concept of Fiqh of Darurat. The current issues related to the spread of the COVID-19 pandemic have led to ijтиhad of fiqh. Moreover, at the same time pandemics are diseases that are easily transmitted to each other. Therefore, it is necessary to refer to the Fiqh of Darurat and examine the extent of its role and explains the COVID-19 pandemic transmission system in ancient times. This paper aims to explain the concept of Darurat and its application to the problems of fiqh that arise during the transmission of the COVID-19 Pandemic. Also, examine this infectious disease from a historical aspect. The method used was qualitative of descriptive through literature review from primary and secondary sources. Next, the collected data will be analyzed to find a solution. The results of the study found that Fiqh of Darurat is conceptually a guide in resolving fiqh issues during the spread of the COVID-19 pandemic. The implications of the application prove that fiqh issues can be addressed well through the Fiqh of Darurat.

**Keywords:** Fiqh of Darurat, concepts, applications, ijтиhad of fiqh, COVID-19 Pandemic

## Pendahuluan

Fiqh Darurat merupakan bahagian daripada kaedah fiqh yang telahpun diamalkan umat Islam sejak zaman Nabi Muhammad SAW sehingga kini. Kedudukan Fiqh Darurat perlu dikaji secara mendalam dari aspek konsep dan aplikasinya dengan meneliti sejauhmanakah boleh diterapkan ke atas sesuatu isu-isu fiqh semasa sebagai rujukan untuk mencari jalan penyelesaian. Hal ini menunjukkan bahawa sesungguhnya Fiqh Darurat yang merupakan sebahagian kaedah fiqh adalah Syariah Islam yang universal.

Setiyawan et al. (2020) menjelaskan bahawa pada tahun 2020 telah terdapat banyak cabaran yang dihadapi orang ramai, berkaitan dengan penularan wabak Pandemik COVID-19. Pandemik ini, juga dikenali sebagai pandemik koronavirus yang dibawa pandemik penyakit koronavirus 2019 yang berterusan secara global berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk atau disebut juga dengan SARS-CoV-2 (Huang 2020). Wabak ini pada mulanya dikesan pada pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei, China, dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 (WHO 2020a). Dari segi penularan wabak ini perlu dikaji dari aspek sejarah Islam, sebagai rujukan dalam menangani kes berkenaan.

## Objectif kajian

Kajian ini dibuat dengan objektif sebagaimana berikut:

1. Menjelaskan Fiqh Darurat dari segi konsep dan aplikasinya dalam kaedah fiqh yang merupakan bidang Syariah Islam.
2. Mendedahkan Pandemik COVID-19 yang menjadi tumpuan kajian dalam kertas kerja ini, dari aspek definisi dan sejarah, yang mana jenis ini dikategorikan sebagai penyakit menular.
3. Menganalisa konsep Fiqh Darurat dan aplikasinya yang boleh dijadikan rujukan dan panduan dalam menangani permasalahan fiqh semasa ketika berlaku penularan Pandemik tersebut.

## Metodologi kajian

Setiap permasalahan yang dikaji dalam kertas kerja ini menggunakan kaedah qualitatif deskriptif melalui kajian kepustakaan daripada sumber primer dan sekunder dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan tentang Fiqh Darurat diambil daripada al-Quran, Hadith dan sejarah sebagai sumber primer, manakala jurnal dan kerja kerja lain, serta surat akhbar yang menjadi observasi sebagai sumber sekunder untuk menjelaskan Pandemik COVID-19. Kajian lapangan pula bersumber daripada isu-isu fiqh yang dihadapi masyarakat ketika berlaku penularan. Selanjutnya, data yang terkumpul akan dianalisis untuk mendapat jalan penyelesaian.

## Hasil Kajian dan Diskusi

Darurah dalam bahasa arab adalah *Da-ru-rah* yang bermaksud kesusahan. Al-Jurjani (1416H/1995) berpendapat bahawa *Darurah* dari segi bahasa berasal daripada perkataan *darar*. Dalam Munjid al-Tulab (1987) dan kamus al-Mu'jam al-Wasit (2004), ia membawa erti kepada keperluan, sesuatu yang tidak dapat dihindari, dan kesulitan.

Menurut istilah pula, darurat mempunyai pelbagai definisi yang hampir sama pengertiannya. *Darurat* menurut al-Jasas (1412H/1992) adalah rasa takut akan ditimpa kerosakan atau kehancuran terhadap jiwa atau sebahagian anggota tubuh. Manakala menurut Ali Haydar (1411H/1991) pula, darurat bermaksud keadaan yang memaksa seseorang untuk mengerjakan sesuatu yang dilarang oleh syarak. Ibnu Qudamah (t.th) pula menyatakan, darurat adalah keadaan membolehkan seseorang makan yang haram, dan dikuatir akan membuat seseorang itu binasa jika dia tidak makan yang haram. Abu Zahrah (t.th) mendefinisikan darurat sebagai kekuatiran akan terancamnya kehidupan jika tidak memakan yang diharamkan, atau khuatir akan musnahnya seluruh harta miliknya. al-Zarqa (1417H/1996) menyatakan darurat adalah sesuatu yang jika diabaikan akan mengakibatkan berlakunya bahaya. Manakala al-Zuhaili (1389H/1969) mendefinisikan darurat sebagai datangnya bahaya pada manusia atau kesulitan (*masyaqqah*) yang amat berat, yang membuatkan dia khuatir terjadinya

mudarat atau sesuatu yang menyakitkan jiwa, anggota tubuh, kehormatan, akal, harta, dan yang seumpama dengannya (Siti Fariza et al. 2016).

### **Darurat dalam al-Quran dan Sunnah**

Ketetapan penggunaan *Darurat* telahpun dinyatakan dalam al-Quran sebagai asas rujukan, sebagaimana yang Allah firmankan dalam surah al-Baqarah 2: 173 yang bunyinya:

اَنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا اَهْلَبَ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمِنْ اُضْطُرَّ عَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ  
فُلَّا إِنَّمَا عَلَيْهِ اِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ۖ ۱۷۳

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Dalam al-Quran, surah al-Maidah 5: 3, yang bunyinya:

حَرَمْتُ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا اَهْلَلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنَقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ  
وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا اَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَيْتُمْ وَمَا دَبَحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ شَتَّقَسُمُوا بِالْأَزْلَمِ  
ذَلِكُمْ فَسَقُ الْيَوْمِ يَسِّنُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِيَنْكُمْ فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَأَخْشَوْنَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِيَنَكُمْ  
وَأَنَّمَّا مُنْهَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتْ لَكُمُ الْإِسْلَامُ دِيَنًا فَمِنْ اُضْطُرَّ فِي مَحْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِّإِثْمٍ  
فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ۖ ۳

Maksudnya:

Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercerik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Firman Allah dalam surah al-An'am 6: 119

وَمَا لَكُمْ أَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا ذَكَرَ أَسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اُضْطُرَرْتُمُ إِلَيْهِ  
فَإِنَّ كَثِيرًا لَّيُضْلُلُونَ بِأَهْوَاهِهِمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِلِينَ ۖ ۱۱۹

Maksudnya:

Dan tidak ada sebab bagi kamu, (yang menjadikan) kamu tidak mahu makan dari (sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan dengan hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia lah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang melampaui batas.

Dalam al-Sunnah, Rasulullah SAW bersabda:

قوله صلى الله عليه وسلم : لا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya:

Tidak ada sebarang mudarat dan tidak ada juga perbuatan membala-kemudarat

Hadith yang ditakhrij oleh al-Dar al-Qutni, no 4541 & al-Bayhaqi no 11384. Hadith ini menunjukkan sabda Rasulullah SAW ini mengandungi larangan terhadap semua perkara yang membawa kepada *Darar*, sama ada terhadap badan dan harta. Kadangkala kedua-dua badan dan harta ini yang terkesan *Darar* sehingga terkena perlupusan. Tambahan pula *Darar* jiwa, perangai, sosial dan ekonomi (Majallat al-Jamiah Islamiyyah 1403H).

### **Kaedah Fiqh La Darar Wala Dirar**

Para ulama telahpun menyatakan bahawa Syariah Islam diwujudkan untuk kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. al-Ghazalî (1418H/1997) dan al-Shatibi (2003) berpendapat bahawa kemaslahatan dibahagi kepada keperluan asas (*daruriyyah*), kemudahan dan kelapangan (*hajriyyah*) dan kesempurnaan (*tahsiyyah*). *Daruriyyat* adalah perkara yang mesti wujud untuk kemaslahatan agama dan dunia. Apabila perkara itu hilang, kemaslahahan manusia akan susah terwujud, bahkan akan menimbulkan kerosakan, kekacauan dan kehancuran. Perintah syariah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan, hal ini dapat difahami bahawa syariah bertujuan mencegah dan menghilangkan kerosakan-kerosakan.

Dalam hadith yang dinyatakan di atas yang maksudnya: *Tidak ada sebarang mudarat dan tidak ada juga perbuatan membala-kemudarat*. Dalam kata lain makna hadith ini adalah tidak ada kemudarat dan tidak dibenarkan memudaratkan kepada yang lain. Seseorang tidak dibenarkan merosakkan diri sendiri dan orang lain. Perbuatan mudarat ini hendaklah tidak dilakukan sama ada dengan memulakan perbuatan yang merosakkan ataupun membala dengan kerosakan. Sekiranya perbuatan merosakkan dan memudaratkan tidak dibenarkan, maka kemaslahatan akan sentiasa dijaga dengan baik. Secara prinsip bahawa kemudarat adalah haram dilakukan. Perkataan mudarat dalam hadith dinyatakan secara umum melalui nahi “*la*” yang bermaksud tiada. Hal ini, meliputi semua perkara yang mendatangkan kerosakan dan kemudarat. Sedangkan kemaslahatan pada prinsipnya adalah mubah karena itu mencegah kerusakan sangat diperlukan untuk menegakkan kemaslahatan.

Kaedah fiqh *La Darar Wala Dirar* juga menjadi prinsip larangan dalam pengambilan makanan dan minuman yang haram. Akibat pengambilan ini akan menimbulkan kesan buruk ke atas manusia sama ada terhadap diri sendiri mahupun orang lain. Kesan buruk daripada pengambilan makanan dan minuman yang haram dapat dilihat pada masa kini yang boleh memudaratkan kesihatan. Allah berfirman dalam surah al-A’raf 7: 157 yang maksudnya: *Dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk*. Ayat ini menunjukkan bahawa benda yang buruk (*al-Khabais*) adalah haram pengambilannya. Ibn Jawzi (2013) mengatakan *khobais* adalah segala sesuatu yang menjijikkan untuk dimakan, seperti ular, kelawar, tikus dan *hasyarot* (berbagai serangga yang hidup di darat). Kesemua ini termasuk dalam kategori haram untuk dimakan, kerana banyak mudarat dan akan menyebabkan kemudarat.

### **Pandemik COVID-19 Dalam Pandangan Islam**

Virus ini kebanyakannya menular antara seseorang dengan cara yang serupa dengan influenza, melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin (WHO 2020b, 2020c). Ia dianggap paling mudah berjangkit

apabila seseorang menerima tanda gejala, walaupun penyebarannya mungkin walaupun sebelum gejala muncul (CDC 2020a). Masa antara pendedahan dan permulaan gejala biasanya lima hari, tetapi mungkin berkisar antara dua hingga empat belas hari (CDC 2020b). Kenyataan sistem penularan virus ini membawa kepada satu pandangan Islam, yang mana ianya hampir sama dengan penyakit *Taun*.

*Taun* telahpun didefinisikan para ulama, menurut al-Harbi (1405H/1985) wabak adalah *Taun* dan juga penyakit yang meliputi umum. Ibn Al-'Arabi (1418H/1997) pula menyatakan dalam *Syarah al-Tirmidhi* : Dinamakan sebagai *taun* kerana musibahnya meliputi umum serta cepat berlaku kematian disebabkannya. Maka penyakit-penyakit yang seumpamanya turut termasuk sebagainya (*Taun*).

Daripada sistem penularan Pandemik COVID-19 telah dikenalpasti bahawa ianya adalah virus yang merebak dengan cepat dan dikategorikan sebagai penyakit berjangkit yang mengakibatkan kepada kematian dalam skala besar. Ciri-ciri inilah yang diambil satu kesimpulan bahawa dari segi iktibar COVID-19 seperti *Taun* dari segi penularannya. Dalam hadith berkaitan penularan wabak *Taun* yang ditakhrij oleh Muslim, no: 2218 adalah hadith saih yang bunyinya:

فِي هَذَا الْحَدِيثَ يَقُولُ حَبِيبُ بْنُ أَبِي ثَابِتٍ: كُنَّا بِالْمَدِينَةِ فَبَلَغَنِي أَنَّ الطَّاغُونَ قَدْ وَقَعَ بِالْكُوفَةِ، فَقَالَ لِي عَطَاءُ بْنُ يَسَارٍ وَغَيْرُهُ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا كُنْتَ بِأَرْضٍ فَوَقَعَتْ بِهَا، فَلَا تَخْرُجْ مِنْهَا، وَإِذَا بَلَغَكَ اللَّهُ بِأَرْضٍ، فَلَا تَدْخُلْهَا.

Maksudnya:

Dalam hadith ini: Habib ibn Abi Thabit berkata: Kita berada di Madinah, telah sampai satu berita mengenai *Taun* yang menyebar di Kufah. Ata ibn Yassar dan sahabat lainnya berkata kepadaku; Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Apabila kamu berada di kawasan bumi berlakunya ia (*Taun*), maka janganlah kamu keluar darinya (milarikan diri darinya). Apabila berlaku *Taun* di kawasan lain, maka janganlah kamu masuk ke kawasan tersebut.

Hadith ini menunjukkan bahawa sesungguhnya penyakit *Taun* merupakan penyakit menular yang sama halnya dengan Pandemik COVID-19. Seseorang hendaklah boleh menyelamatkan diri sendiri dan juga orang lain dengan berkurung diri (kuarintin) supaya tidak terjangkit atau menjangkitkan penyakit yang dikategorikan menular. Hal ini, juga berdasarkan kaedah *La Darar wa La Dirar*.

### **Isu-isu fiqh ketika berlakunya Pandemik COVID-19**

Syariah Islam telah sempurna dalam menyelesaikan segala isu-isu fiqh yang memerlukan kaedah fiqh Darurat sebagai dasar hukum.

#### **a. Hukum berkenaan dengan solat jumaat**

Menurut Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2020), Bayan Linnas Siri Ke 225 mengenai fatwa-fatwa terkini berkaitan dengan penangguhan solat jumaat dan solat berjemaah mengatakan bahawa penyebaran virus berbahaya ini telah menimbulkan pelbagai persoalan dalam kalangan masyarakat khususnya berkaitan dengan hukum-hukum yang telah timbul akibat dari wabak ini. Seperti yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), rakyat Malaysia telah digesa agar semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku. Selain itu, sekiranya terdapat gejala jangkitan saluran pernafasan, dinasihatkan agar tidak menghadiri program yang melibatkan orang ramai atau tempat yang padat termasuk aktiviti keagamaan. Individu yang bergejala juga dinasihatkan agar menjarakkan diri sekurang-kurangnya 1 meter jika berhadapan dengan individu lain. Berdasarkan kepada nasihat daripada KKM, maka isu hukum solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid telah timbul berikutan daripada situasi yang kritikal yang melarang daripada melibatkan diri di dalam perhimpunan secara beramai-ramai.

Oleh yang demikian, institusi-institusi fatwa antarabangsa telah bersidang dan mengeluarkan keputusan masing-masing. Hasil daripada muzakarah tersebut, Majlis telah memutuskan bahawa semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat berjemaah, solat Jumaat ditangguhkan untuk satu tempoh dan dalam tempoh tersebut jawatankuasa masjid dan surau disarankan untuk melakukan operasi pembersihan dan penyahkuman.

Berpandukan daripada Pihak Haiah Kibar Ulama' al-Azhar al-Syarif dalam satu kenyataan rasminya telah memaklumkan tentang keharusan di sisi syarak untuk menghentikan solat Jumaat dan solat berjemaah di semua kawasan berikut penularan wabak COVID-19. Dalam kenyataan tersebut, pihak Haiah menggariskan keputusan bahawa harus di sisi syarak bagi negara (*daulah*) untuk menghentikan untuk satu tempoh sementara bagi solat Jumaat dan solat berjemaah kerana ia akan membawa kepada menular dan tersebarnya virus yang berbahaya ini.

**b. Hukum penutupan masjid**

Bagi isu yang berkaitan dengan penutupan masjid ini, jika kita membaca sejarah Nabi SAW, kita dapat bahawa pernah berlaku dalam tahun ke-5 Hijrah, yakni ketika berlakunya peperangan Khandaq atau Ahzab. Nabi SAW dan para sahabat telah menggali satu parit yang panjang, kemudian di situlah, Nabi SAW menjaga perbatasan daripada dicerobohi dan diserang oleh golongan kafr Quraisy yang bergabung dengan pelbagai qabilah yang berjumlah lebih atau hampir 10,000 orang. Pakatan tersebut dibentuk dalam misi melakukan serangan terhadap Rasulullah SAW. Ketika itu, Nabi SAW dan para sahabatnya terus mengawasi, bertahan dan berada di situ sehingga tidak dapat mengerjakan solat. Dengan sebab itu, Nabi SAW amat marah kepada mereka kerana menyebabkan solat tidak dapat dilakukan. Akhirnya selepas itu, Nabi SAW telah mengqadha' semua solat tersebut. Dari situ, ia menunjukkan bahawa di kota Madinah pada masa itu berada dalam keadaan yang lompang. Ramai sahabat terpaksa bersungguh-sungguh dalam menjaga dan mempertahankannya. Selain itu, dalam sejarah Islam, turut berlaku banyak peristiwa besar antaranya ketika jatuhnya kerajaan Islam Abbasiyyah di Baghdad disebabkan serangan tentera Mongol. Maka di situ juga berlaku satu situasi yang cukup dahsyat. Pernah juga berlaku di Jami' Umawi, seorang tokoh yang luar biasa iaitu al-Imam al-Auza'i dan seorang yang bernama Ali bin Abdullah yang terkenal dengan kezalimannya. Beliau telah masuk ke kota dan memenggal leher-leher manusia sehingga menjadikan Masjid Jami' Umawi sebagai kandang unta, kuda dan seumpamanya sehingga menafikan penggunaan masjid (Zulkifli 2020a).

Namun, ia berlaku dalam banyak isu serta dalam bentuk yang pelbagai, bukan dalam satu-satu isu sahaja. Akan tetapi, apa yang berlaku sekarang ini, ia adalah satu suasana yang bersifat global dan tidak pernah berlaku lagi dalam sejarah. Apabila disebut sifatnya yang global, maka ia hampir menyeluruh dengan maksud wabak ini adalah cukup besar, yang berada di luar jangkaan para ulama.

**c. Hukum laungan azan**

Pihak Haiah Kibar Ulama' al-Azhar al-Syarif yang memaklumkan tentang keharusan menghentikan solat Jumaat dan solat berjemaah di semua kawasan dalam kenyataannya telah mengingatkan orang awam berkenaan dengan tiga perkara penting iaitu wajib melaungkan azan pada setiap waktu solat di masjid-masjid pada situasi dihentikan solat Jumaat dan solat berjemaah, dan harus juga bagi muazzin untuk menyebutkan pada setiap azan, “يُؤْتَمْ فِي مَلْوَأٍ”. Selain itu, setiap ahli rumah juga diingatkan untuk meneruskan solat berjemaah seperti biasa di rumah kerana tidak semestinya solat berjemaah itu dilakukan di masjid dan yang terakhir adalah menjadi kewajipan untuk setiap warganegara mematuhi arahan, panduan dan ketetapan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan untuk menekan penularan virus ini (Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2020)).

**d. Hukum bersalaman tangan**

Bersalaman tangan tidak dinafikan dilakukan di atas tujuan untuk memuliakan hubungan silaturrahim kerana Allah SWT yang menjadi kemuliaan dan dijanjikan pengampunan dosa. Ini

sepertimana hadith yang diriwayatkan oleh al-Barra' bin Azib, sabda Nabi SAW yang bermaksud :

*“Tidaklah dua orang Muslim itu bertemu lalu mereka bersalaman melainkan diampunkan dosa keduanya sebelum mereka berpisah.”*

Bersalaman tangan ketika berjumpa itu adalah sunah hukumnya. Hal ini sudah menjadi ijma dalam kalangan para alim ulama. Ibn Battal turut menyebut bahawa hukum asal bersalaman tangan itu adalah baik dan sangat elok menurut para ulama secara amnya. Dalam isu bersalaman tangan, buat masa ini, keadaan di Malaysia sudah sampai ke suatu tahap yang kritikal. Maka kita dituntut untuk berusaha dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan diri dari menyumbang kepada penularan virus tersebut. Ini kerana, sentuhan merupakan salah satu cara yang boleh menyebabkan virus tersebut semakin menular. Oleh sebab itu, kami berpandangan dengan tidak bersalaman adalah lebih sesuai buat masa ini sebagai jalan *ihtiyat* (berjaga-jaga) dan juga cara atau inisiatif bagi mengekang virus ini dari terus menular walaupun pada asalnya ia merupakan satu sunah. Hal ini disebabkan, terdapat satu riwayat yang sahih daripada Nabi SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Muslim berkaitan arahan Nabi SAW agar menjauhkan diri daripada orang yang dijangkiti penyakit kusta ini. Ini kerana, penyakit kusta merupakan penyakit yang berjangkit. Maka arahan Nabi SAW agar menjauhkan diri adalah bagi mengekang penularan penyakit tersebut kepada orang lain atau kawasan lain yang tidak dijangkiti (Zulkifli 2020b).

Tambahan pula, selaras dengan arahan daripada KKM agar meminimumkan sentuhan seperti bersalaman ini kerana virus tersebut mampu tersebar dengan cara tersebut. Oleh sebab itu, amat disokong seruan KKM agar bersalaman itu dilakukan dengan cara mengisyaratkan tangan ke dada bagi tujuan mengelakkan bersentuhan (Zulkifli 2020b).

#### e. Hukum pengurusan jenazah

Pada asasnya, jika jenazah dalam keadaan biasa dan bukan sebagai pesakit COVID-19, maka hendaklah dilakukan ke atasnya empat perkara. Pertama, memandikan. Kedua, mengkafarkan. Ketiga, menyembahyangkan iaitu melaksanakan solat jenazah ke atasnya. Keempat, mengebumikannya. Ini adalah asas fardu kifayah menurut ijma para ulama tanpa khilaf. Akan tetapi, dalam isu penyakit yang berjangkit seperti ini di mana ia boleh memberi kesan kepada orang yang memandikan dan mengebumikannya, maka Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 15 Mac 2020 telah memutuskan bahawa dibolehkan untuk dilakukan tayammum sahaja sebagai menggantikan proses memandikan (<http://www.islam.gov.my>).

Dalam Islam, terdapat pengecualian dan kelonggaran (rukhsah) kepada hukum sekiranya terdapat keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan kemudaratan kepada nyawa manusia. Kemudaratan ini mestilah mengikut asas pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak pengamal perubatan seperti doktor perubatan, pakar forensik dan lain-lain. Rukhsah ini terpakai dalam keadaan sekiranya terdapat risiko tinggi berlakunya jangkitan COVID-19 yang boleh membawa maut kepada orang yang menguruskan jenazah melalui kontak secara langsung dengan air mandian yang telah dicemari dengan cairan badan daripada jenazah seperti darah, muntah, najis, air kencing dan sebagainya. Oleh itu, jenazah tersebut bolehlah diuruskan melalui prosedur tayammum sebagai ganti kepada mandi wajib.

Scara jelas, kaedahnya adalah apabila berlaku sesuatu kematian, maka mayat itu akan diletakkan di dalam body bag, ditutup, kemudian ditayammum di atas body bag tersebut. Kenyataan terbaru oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham, bahawa virus COVID-19 ini juga terdapat pada permukaan badan pesakit atau si mati. Justeru pendapat ditayammum di atas body bag amat bertepatan dengan maslahat.

#### Kesimpulan

Penularan wabak Pandemik COVID-19 yang merebak dengan begitu pantas ini telah meragut ratusan nyawa di Malaysia, malah ratusan ribu nyawa di seluruh dunia. Hal ini telah mengugat kehidupan keseluruhan manusia dari segi ekonomi, kesihatan, pentadbiran, keselamatan dan lain-lain lagi. Maka

jelaslah bahawa COVID-19 ini telah menjadi wabak yang mesti dijauhi oleh setiap manusia kerana ia merupakan satu ancaman kepada nyawa manusia. Malah, sebagai seorang Muslim, hendaklah mengambil iktibar daripada ujian ini bahkan mempercayai bahawa ia merupakan satu bentuk ujian daripada Allah SWT untuk menguji hamba-hambaNya.

Oleh yang demikian, setiap individu mestilah menghadapi ujian ini dengan penuh kesabaran, patuh kepada garis panduan yang telah disediakan oleh pemerintah malah berusaha sedaya upaya untuk mengatasi wabak ini dengan menjaga kesihatan diri dan ahli keluarga. Juga memanangkan usaha dengan berdoa kepada Allah SWT agar dijauhkan dari wabak yang berbahaya ini bukan sahaja untuk individu di Malaysia sahaja, tetapi untuk seluruh manusia di seluruh dunia.

### **References**

Al-Quran.

- Ibn al-Arabi, Abu Bakr Muhammad ibn Abd Allah ibn Muhammad ibn Abd Allah. 1418H/1997. *Aridhat al-Ahwadhi bi Sharh Sahih al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Jauzi, Abd al-Rahman ibn Ali ibn Muhammad. 2013. *Zad al-Masir*. Beirut: Dar Ibn Hazm & al-Maktab al-Islami.
- Ibn Qudāmah, Abu Muhammad Abd Allah ibn Ahmad ibn Muhammad. t.th. *al-Mughni*. Mesir: Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad ibn al-Husayn ibn Ḥasan ibn Mūsā Abū Bakr. 1414H/1994. *Sunan al-Bayhaqi al-Kubrā*. Makkah al-Mukarramah: Maktabat Dār al-Bāz.
- Al-Dar al-Qutni, Ḥasan ibn Umar Abu Hasan al-Baghdadi. 1386H/1966. *Sunan al-Dar al-Qutni*. al-Sayyid Abd Allah Hashim Yamani al-Madani (pnyt.). Beirut: Dar al-Marifah.
- Al-Harbi, Ibrahim ibn Ishaq. 1405H/1985. *Gharib al-Hadith*. Mekah: Jamiah Umm al-Qura.
- Al-Ghazali, Muhammad. 1418H/1997. *Al-Mustasfa min Ilm al-Usul*. Tahqiq Muhammad Sulaiman al-Ashqar. Beirut: al-Risalah.
- Al-Jasas, Ahmad ibn Ali al-Razi . 1412H/1992. *Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah – Muassasat al-Tarikh al-Arabi.
- Al-Jurjani, al-Sharif Ali Ibn Muhammad. 1416H/1995. *Kitab al-Ta’rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa Ibn Muhammad al-Lakhami. 2003. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Kairo: Maktabat al-Tawfiqiyah.
- Al-Zarqa, Ahmad ibn Muhammad. 1417H/1996. *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1389H/1969. *Nazariyyat al-Darurah al-Shar'iyyah*. Dimashq: Maktabat al-Farabi.
- Abu Zahrah, Muhammad. t.th. *al-Mujtama' al-Islāmi*. Qaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- CDC. 2020a. *Coronavirus 2019 (COVID-19)*. 16 March 2020. US: Centers for Disease Control and Prevention.
- CDC. 2020b. *Symptoms of Novel Coronavirus (2019-nCOV)*. 10 Februari 2020. US: Centers for Disease Control and Prevention. Capaian pada 3 September 2020.
- Ali Haydar. 1411H/1991. *Durar al-Hukkam fi Sharh Majallat al-Ahkam*. Lubnan: Dar al-Jayl.  
<http://www.islam.gov.my/berita-semasa/29-bahagian-penyelidikan/2397-mesyuarat-jawatankuasa-muzakarah-khas-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia-mki-edisi-khas-pandemik-covid-19>. Capaian pada 03 September 2020.
- Huang, Kristin. 2020. PRO/AH/EDR>Undiagnosed Pneumonia – China (HU) (01): Wildlife Sales, Market Closed, RFI. ProMed International Society for Infectious Diseases. No: 20200102.6866757. Capaian pada 05 Ogos 2020.
- Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2020. Bayan Linnas Siri Ke-225: Covid-19: Fatwa-Fatwa Terkini Berkaitan Penangguhan Solat Jumaat Dan Solat Berjemaah, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4338-bayan-linnas-siri-ke-225-covid-19-fatwa-fatwa-terkini-berkaitan-penangguhan-solat-jumaat-dan-solat-berjemaah>.
- Majallat al-Jamiah al-Islamiyyah bi al-Madinah al-Munawwarah*. Adad ke 57. 1403H. hlm. 319.
- Munjid al-Tulāb*. 1987. Beirut: Dār al-Mashriq.

- al-Mu'jam al-Wasit.* (2004). Al-Qaherah: Majma al-Lughah al-Arabiyyah-Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyah.
- Setiyawan Gunardi, Hasnizam Hashim, Haliza A. Shukor. 2020. Persepsi Mahasiswa Dalam Menjalani Latihan Industri Semasa Penyebaran Pandemik Covid-19. Kertas kerja Diskusi Syariah dan Undang-undang, Siri 3/2020. Fakulti Syariah dan Undang-undang. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 26 Ogos.
- Siti Fariza M.F., Hasanah A.K., Irwan M.S. & Azman A.R. 2016. Aplikasi Kaedah Fiqh al-Darurah Tuqaddar Biqadariha dalam Agihan Zakat untuk Mangsa Banjir. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa.* Vol. 8, pp. 37-43.
- WHO. 2020a. WHO Director-General's Opening Remarks at The Media Briefing on COVID-19 – 11 March 2020. Geneva: World Health Organization. Capaian pada 10 Ogos 2020.
- WHO. 2020b. *Getting Your Workplace Ready for COVID-19.* 3 March 2020. Geneva: World Health Organization.
- WHO. 2020c. Q&A on Coronoviruses (COVID-19). 17 April 2020. Capaian pada 3 September 2020. Geneva: World Health Organization.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2020a. Soal Jawab COVID-19. <https://mira.gov.my/wpcontent/uploads/2020/06/fiqh-covid-1.pdf>. hlm. 71
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2020b. Soal Jawab COVID-19”, <https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/06/fiqh-covid-1.pdf>. hlm. 109